

Amalan Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina

Siti Hawa binti Ezan*, Md Zahril Nizam Md Yusoff

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email (institution email): p20242001652@siswa.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 23rd October 2025
Revised: 01st December 2025
Accepted: 15th January 2026
Published: 13th April 2026

KATA KUNCI:

Amalan Penulisan
Sekolah Menengah Persendirian Cina
Bahasa Melayu
Sikap

ABSTRAK

Penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu sebagai bahasa kedua merupakan cabaran utama bagi murid Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) kerana bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa pengantar utama. Kajian ini bertujuan meneliti amalan penulisan bahasa Melayu serta sikap murid terhadap pembelajaran penulisan di SMPC. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan 50 orang murid Tingkatan Lima di sebuah SMPC di Batu Gajah, Perak. Instrumen kajian ialah soal selidik yang disesuaikan daripada Zamri Mahamod et al. (2016) dan merangkumi konstruk amalan penulisan, strategi pembelajaran dan sikap murid. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Dapatan menunjukkan bahawa amalan penulisan murid berada pada tahap sederhana, dengan kecenderungan memilih kosa kata mudah, perancangan karangan asas dan semakan sendiri manakala sikap terhadap pembelajaran penulisan juga berada pada tahap sederhana. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman empirikal tentang corak amalan penulisan murid Cina di SMPC serta mencadangkan implikasi pedagogi berfokus strategi bagi meningkatkan penguasaan penulisan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan murid yang menggunakan bahasa ini sebagai bahasa kedua.

Mastery of Malay writing skills as a second language is a major challenge for Chinese students in Chinese Private Secondary Schools (SMPC) because Mandarin is used as the main medium of instruction. This study aims to examine Malay writing practices and students' attitudes towards learning writing in SMPC. This study uses a quantitative survey design involving 50 Form Five students in a SMPC in Batu Gajah, Perak. The study instrument is a questionnaire adapted from Zamri Mahamod et al. (2016) and includes the constructs of writing practices, learning strategies and student attitudes. Data are analyzed descriptively using mean values and standard deviations. The findings show that students' writing practices are at a moderate level, with a tendency to choose simple vocabulary, basic essay planning and self-review while attitudes towards learning writing are also at a moderate level. This study contributes to an empirical understanding of the patterns of Chinese students' writing practices in SMPC and suggests pedagogical implications focused on strategies to improve the mastery of Malay writing, especially among students who use this language as a second language.

PENGENALAN

Penggunaan sesuatu bahasa sebagai medium utama dalam sistem pendidikan sesebuah negara merupakan langkah strategik dalam memperkukuh dan memartabatkan bahasa kebangsaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan formal berfungsi sebagai saluran penting untuk memperkenalkan, mengajar dan mengekalkan kesinambungan sesuatu bahasa dalam kalangan masyarakat sesebuah bangsa dari satu generasi ke generasi berikutnya (Hashim & Halimah, 2012). Pendidikan Bahasa Melayu di peringkat sekolah bertujuan menanam semangat cinta akan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi, khususnya bagi murid bukan penutur jati. Bahasa Melayu turut memainkan peranan sebagai bahasa pengantar utama di setiap sekolah di negara ini. Oleh itu, pengajaran ini perlu diberikan perhatian yang serius agar mereka dapat berinteraksi secara berkesan dalam bahasa tersebut, baik secara lisan mahupun tulisan.

Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang bersifat majmuk dan pluralistik. Kepelbagaian etnik inilah yang mewujudkan pelbagai budaya, agama dan bahasa ibunda yang berbeza bagi setiap komuniti. Kepelbagaian ini kemudiannya mendorong kerajaan untuk merangka, menggubal dan menyesuaikan dasar pendidikan negara bagi memastikan keseimbangan kepentingan semua pihak. Hasil daripada perubahan dasar tersebut, Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) wujud sebagai salah satu institusi pendidikan yang beroperasi mengikut kehendak masyarakat Cina. Penubuhan sekolah berasaskan pendidikan Cina ini sebenarnya telah bermula lebih awal melalui kewujudan Sekolah Menengah Cina (SMC) atau *Huanwen Zhongxue*, sebelum pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 (Nurfatin, 2017). Selepas pelaksanaan akta tersebut, SMC telah dipecahkan kepada dua kategori iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). SMJKC menerima bantuan kerajaan dari segi kewangan dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi di sekolah, manakala SMPC kekal sebagai institusi swasta yang beroperasi tanpa bantuan kerajaan dan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa utama pengajaran (Nurfatin, 2017).

Semua murid di Malaysia berhak mempelajari bahasa Melayu sejak di peringkat awal persekolahan tanpa mengira kaum mahupun agama seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Malaysia 1968. Namun begitu, tahap penguasaan bahasa pertama dan bahasa kedua tetap berbeza antara satu sama lain. Murid Cina di SMPC menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang dipelajari di sekolah. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini lebih mencabar kerana guru perlu menggunakan strategi dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai dengan berkesan (Tay & Wong, 2016). Dalam konteks ini, kesukaran menguasai kemahiran menulis oleh murid bahasa kedua kerana proses penulisan memerlukan kefahaman yang mendalam dan penguasaan bahasa yang tersusun serta sistematik (Che Zanariah & Fadzilah, 2011).

Kemahiran ini sering dianggap sebagai kemahiran berbahasa yang paling mencabar bagi murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, khususnya di SMPC. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti menulis memerlukan murid menguasai pembinaan ayat yang gramatis dan memahami peraturan tatabahasa dengan baik. Penguasaan dalam kemahiran menulis turut menyokong penguasaan kemahiran lain seperti membaca dan bertutur. Setiap individu yang tidak menguasai kemahiran menulis akan menghadapi kesukaran untuk menterjemahkan perkara yang dibaca dan diucapkan ke dalam bentuk penulisan (Nor Habsah & Yahya, 2018).

Sehubungan itu, kajian berkaitan amalan penulisan dalam kalangan murid SMPC amat diperlukan. Kajian sebegini penting kerana mata pelajaran Bahasa Melayu bukan sahaja berperanan meningkatkan kemahiran komunikasi murid, tetapi juga menjadi wahana pembentukan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Justeru, fokus kajian ini adalah meneliti amalan penulisan bahasa Melayu murid Cina di SMPC dan mengenal pasti sikap terhadap pembelajaran penulisan bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Penutur jati yang menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa pertama merujuk kepada keupayaan memahami dan mengaplikasikan konsep-konsep linguistik yang baharu meskipun bahasa tersebut telah menjadi alat komunikasi semula jadi sejak lahir. Namun begitu, bagi murid di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, proses pembentukan konsep bahasa merupakan perkara baharu yang berbeza daripada bahasa ibunda yang mereka gunakan dalam kehidupan harian. Perbezaan ini sering menimbulkan cabaran dalam proses

pembelajaran bahasa Melayu. Berdasarkan kajian Norsidah, Jamaludin dan Fairose (2010), tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kajian tersebut mendapati 89% murid Cina lemah dalam penguasaan tatabahasa, khususnya dalam penggunaan imbuhan awalan kata kerja dan pembentukan kata nama terbitan. Selain itu, mereka turut melakukan kesalahan dalam penggunaan kata tugas (24%), kosa kata (39%) serta kata ganti diri (24%). Kesilapan ini menyebabkan mereka gagal membina ayat yang gramatis, sekali gus memberi kesan negatif terhadap kemahiran menulis dalam penulisan karangan.

Kemahiran menulis merupakan komponen penting dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu. Menurut Rohaida et al. (2020) dalam Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021), objektif KSSM Bahasa Melayu adalah untuk membentuk murid yang berkemahiran berbahasa dan mampu berkomunikasi dengan baik bagi memenuhi keperluan diri serta memperluas ilmu pengetahuan. Namun begitu, beliau turut menegaskan bahawa masalah menulis masih menjadi isu utama yang belum dapat diatasi sepenuhnya. Kajian menunjukkan bahawa ramai murid menghadapi kesukaran dalam aspek sintaksis, khususnya dalam membina ayat yang betul melalui proses penyambungan. Hal ini turut dibuktikan oleh Liew Siew Lin et al. (2003) yang mendapati murid Cina sering melakukan kesalahan bahasa pada bahagian sintaksis, terutamanya ketika menulis ayat majmuk pancangan dalam karangan mereka.

Selain aspek tatabahasa, satu lagi cabaran ketara yang dihadapi oleh murid Cina dalam mempelajari bahasa Melayu ialah keterbatasan penguasaan kosa kata. Kekangan perbendaharaan kata ini menyebabkan mereka kerap mencampuradukkan bahasa dengan menggunakan bahasa ibunda apabila tidak menemui padanan perkataan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Zamri (2016) menunjukkan bahawa pengaruh bahasa pertama mempunyai impak yang besar terhadap proses pemerolehan bahasa kedua. Pandangan ini turut disokong oleh Noor Habsah dan Yahya (2018) yang menegaskan bahawa kekurangan penguasaan kosa kata membantutkan keupayaan murid untuk menghuraikan idea secara terperinci, sekali gus mendorong mereka menggunakan perkataan daripada bahasa ibunda ketika menulis karangan dalam bahasa Melayu.

Persepsi negatif murid terhadap bahasa Melayu juga berpunca daripada tanggapan bahawa bahasa ini tidak mempunyai nilai praktikal dalam kehidupan seharian mereka. Mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa Melayu tidak meluas dalam komuniti Cina kerana bahasa Mandarin lebih dominan sebagai alat komunikasi utama. Tambahan pula, mereka menganggap sesi pembelajaran bahasa Melayu sebagai membosankan kerana sukar memahami kandungan yang diajar dalam bahasa kedua. Kekangan komunikasi dua hala dalam bilik darjah turut menyebabkan mereka mudah hilang minat terhadap mata pelajaran ini. Situasi ini diperburuk apabila bahasa Melayu tidak digunakan di luar persekitaran sekolah, sekali gus menyukarkan murid mempraktikkan kemahiran bahasa yang dipelajari (Zamri & Mohamed Amin, 2006).

Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah meneliti kesalahan dan pencapaian bahasa serta persepsi murid terhadap bahasa Melayu, namun kebanyakan kajian tersebut tidak menghuraikan secara khusus amalan penulisan secara realiti yang diamalkan dan sikap murid yang sebenar dalam proses menghasilkan karangan bahasa Melayu, khususnya dalam konteks SMPC yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar utama dalam segala aspek. Tambahan pula, penggunaan istilah kemahiran menulis acap kali disamakan dengan kecekapan linguistik, sedangkan kajian berbentuk tinjauan lebih sesuai untuk meneliti amalan penulisan kerana intinya untuk meneliti prosesnya bukan prestasi penulisan yang sebenar.

Sehubungan itu, wujud keperluan untuk menjalankan kajian yang memfokuskan amalan penulisan bahasa Melayu murid Cina di SMPC serta sikap mereka terhadap pembelajaran penulisan, bagi melengkapkan jurang kajian sedia ada. Kajian ini signifikan memandangkan murid di SMPC mengikuti sistem kurikulum yang berlainan daripada kurikulum kebangsaan yang tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai medium utama pengajaran.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Masalah berkaitan kesilapan morfologi, ejaan dan sintaksis yang memberi kesan terhadap kemahiran menulis dalam kalangan murid di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) bukanlah isu baharu. Kesilapan seumpama ini telah lama dikenal pasti melalui penilaian dan peperiksaan yang dijalankan di sekolah-sekolah berkenaan. Justeru, pelaksanaan kajian ini mempunyai kepentingan yang besar kerana dapat membantu guru-guru bahasa Melayu mengenal pasti kelemahan sebenar murid seterusnya menyediakan bahan pengajaran yang lebih sesuai dengan keperluan mereka. Walaupun pengaplikasian teknik didik hibur dalam pengajaran dapat meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid (Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman, 2016), namun dapatan

kajian ini boleh dijadikan panduan dalam merancang strategi, kaedah dan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan serta mampu menjadikan suasana PdPc di bilik darjah lebih menarik dan interaktif.

Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi nilai tambah yang bermakna kepada pihak yang terlibat dalam merancang serta memperkasa kurikulum bahasa Melayu di sekolah-sekolah SMPC. Penemuan berkaitan bentuk kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid boleh dijadikan panduan penting untuk memperkukuh kandungan pengajaran dan menambah baik pendekatan PdPc supaya lebih efektif serta selaras dengan keperluan pembelajaran bahasa kedua. Kajian ini juga berpotensi menjadi rujukan berguna kepada para penyelidik lain yang berminat meneroka bidang pengajaran bahasa, sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris mahupun bahasa asing kepada penutur bukan natif di pelbagai peringkat pendidikan. Melalui hasil dapatan kajian ini, amalan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid dapat dipantau dengan lebih sistematik, di samping membantu mengenal pasti faktor-faktor psikologi dan linguistik yang mempengaruhi kemampuan mereka dalam berbahasa.

Selain memberi manfaat kepada guru dan penyelidik, kajian ini turut memberikan nilai tambah kepada proses penerbitan bahan pengajaran dan buku teks yang lebih relevan dengan keperluan murid bukan penutur jati. Penemuan daripada kajian ini dapat dijadikan panduan oleh pihak penerbit dan penggabul kurikulum bagi memastikan bahan pembelajaran yang disediakan lebih mudah difahami dan mampu meningkatkan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid. Bagi pihak murid, kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran tentang peranan penting bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan medium komunikasi antara pelbagai kaum di negara ini. Dengan mengenal pasti kelemahan yang wujud, murid dapat menambah baik kemahiran berbahasa mereka dan mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dengan lebih meluas dalam konteks kehidupan harian. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini bukan sahaja berpotensi mempertingkatkan ketrampilan berbahasa bahasa Melayu dalam kalangan murid SMPC, malah turut menyokong usaha berterusan untuk memperkukuh kedudukan bahasa Melayu sebagai lambang perpaduan dan identiti nasional.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui amalan penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tingkatan 5.
- ii. Menganalisis sikap murid Cina terhadap pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu di SMPC.

SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan perhatian kepada amalan penulisan karangan bahasa Melayu dan sikap murid Cina Tingkatan Lima yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di SMPC terhadap pembelajaran penulisan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti corak, amalan dan proses penulisan murid serta menilai orientasi sikap mereka terhadap pembelajaran penulisan karangan, memandangkan kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting dalam penguasaan kemahiran menulis sebagai bahasa kedua.

Data kajian dikumpulkan melalui soal selidik yang disesuaikan daripada instrumen asal yang dibangunkan oleh Zamri, Kamariah dan Wan Muna Ruzanna (2016). Kajian ini melibatkan 50 orang murid Cina di SMPC, dengan pemilihan sampel secara rawak tanpa mengambil kira faktor jantina, bagi memastikan data yang diperolehi bersifat representatif dan mencerminkan keseluruhan populasi kajian.

KAJIAN LITERATUR

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina yang merupakan penutur bukan natif dapat dilihat melalui kemahiran menulis mereka. Pelbagai kajian telah dijalankan di Malaysia, namun kebanyakannya hanya menumpukan kepada aspek penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Cina. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Mohd Helmi dan Puteri Roslina (2016) meneliti strategi komunikasi yang digunakan oleh murid Cina ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hasil dapatan menunjukkan bahawa murid kerap menggunakan

strategi penukaran kod semasa berinteraksi dalam bahasa Melayu bagi memastikan penyampaian mesej berjalan dengan jelas dan komunikasi tidak terganggu. Fenomena penukaran kod ini menggambarkan kecenderungan murid untuk mencampur penggunaan bahasa Mandarin dalam pertuturan bahasa Melayu. Keadaan tersebut berpunca daripada penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang terbatas serta pengetahuan tatabahasa yang masih lemah.

Selain itu, sorotan literatur turut menunjukkan bahawa penyelidik terdahulu banyak menumpukan perhatian terhadap kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh murid Cina semasa menulis karangan bahasa Melayu. Kajian oleh Alhaadi Ismail et al. (2018), misalnya, menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder untuk meneliti kesilapan morfologi yang muncul dalam penulisan murid. Dapatan menunjukkan bahawa murid kerap melakukan kesilapan berkaitan penggunaan imbuhan serta pemilihan perkataan yang tidak tepat. Antara punca utama dikenal pasti ialah pengaruh kuat daripada bahasa ibunda, kerana struktur bahasa Cina tidak memiliki sistem imbuhan seperti bahasa Melayu. Justeru, kecenderungan menterjemah secara langsung daripada bahasa pertama menyebabkan berlakunya pelbagai bentuk kesalahan linguistik dalam penulisan mereka.

Kajian lain turut memberi tumpuan kepada kelemahan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid Cina. Abdul Rasid Jamian dan Shamsuddin Othman (2016) menegaskan bahawa tahap kesediaan guru dalam mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa pengajaran penulisan karangan dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis murid. Simah Mamat (2021) pula menekankan bahawa pendekatan pengajaran yang sesuai dan sistematik amat penting bagi memastikan proses PdPc penulisan karangan lebih berkesan dan mampu mengatasi kelemahan murid.

Dari sudut sikap, kajian oleh Zamri dan Zarina (2001) meneliti pandangan serta kecenderungan murid Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah sekitar Negeri Sembilan. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara umum, murid Cina menzahirkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, meskipun terdapat segelintir kecil yang menunjukkan minat dan sikap yang kurang memberangsangkan terhadap mata pelajaran tersebut. Seterusnya, penyelidikan oleh Chew Fong Peng (2023) yang dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) di daerah Kepong pula meninjau hubungan antara sikap dengan tahap pencapaian bahasa Melayu. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa walaupun pencapaian murid dalam bahasa Melayu masih berada pada tahap rendah (Min = 49.55, SP = 17.57), namun sikap mereka terhadap bahasa tersebut didapati berada pada tahap yang tinggi (Min = 3.64, SP = 0.92).

Seterusnya, kajian oleh Alhaadi Ismail dan Norimah Zakaria (2019) meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi murid Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua faktor utama, iaitu faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik, dengan faktor ekstrinsik khususnya pengaruh rakan sebaya menjadi faktor paling dominan. Seramai 93.33% responden bersetuju bahawa rakan sebaya yang bersungguh-sungguh belajar bahasa Melayu mendorong mereka untuk turut berusaha. Faktor kedua tertinggi pula ialah kaedah pengajaran guru, yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat murid melalui aktiviti pembelajaran yang menarik dan pelbagai.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina lebih banyak menumpukan kepada faktor sikap, motivasi dan kesalahan bahasa. Kebanyakan kajian sedia ada masih bersifat deskriptif dan tidak meneliti secara mendalam keupayaan sebenar murid Cina dalam kemahiran menulis karangan. Tambahan pula, kebanyakan penyelidikan terdahulu hanya dijalankan di sekolah rendah atau sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan utama. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti amalan sebenar murid Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang berlatarbelakangkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa perantaraan utama dalam proses pembelajaran, khususnya dalam kemahiran menulis bahasa Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah kajian tinjauan bagi merealisasikan objektif kajian. Pendekatan ini dipilih kerana data dikumpul melalui soal selidik yang disesuaikan daripada kajian terdahulu, yang merangkumi konstruk berkaitan amalan penulisan dan sikap murid terhadap pembelajaran karangan. Soal selidik ini membolehkan penyelidik menilai secara kuantitatif corak amalan penulisan dan sikap murid terhadap pembelajaran penulisan bahasa Melayu.

Kajian ini telah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dalam proses pemilihan responden. Populasi kajian merangkumi 133 orang murid Tingkatan Lima di sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang terletak di daerah Batu Gajah, Perak. Daripada jumlah

tersebut, seramai 50 orang murid Cina telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Pemilihan kaedah persampelan ini dibuat kerana memberikan peluang yang sama kepada setiap murid dalam populasi untuk dipilih, sekali gus memastikan data yang dikumpulkan bersifat adil dan mewakili keseluruhan populasi kajian. Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik. Penyesuaian instrumen ini dilakukan bagi menepati konteks kajian, khususnya dalam menilai amalan dan kecenderungan sikap murid Cina di SMPC terhadap pembelajaran dan penulisan karangan bahasa Melayu.

Bagi menjamin kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, satu kajian rintis telah dilaksanakan melibatkan 30 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai Cronbach Alpha keseluruhan ialah 0.889, yang menandakan tahap kebolehpercayaan instrumen berada pada aras tinggi serta sesuai digunakan dalam kajian sebenar. Data yang dikumpulkan melalui soal selidik kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan meneliti nilai min, sisihan piawai dan varians bagi melihat amalan penulisan karangan dan sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Jadual 1 memaparkan hasil analisis kebolehpercayaan bagi setiap tema yang dikaji, dan dapatan menunjukkan bahawa semua item dalam soal selidik mempunyai tahap konsistensi dalaman yang tinggi serta sesuai diaplikasikan dalam pelaksanaan kajian sebenar.

Jadual 1. Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Bil.	Tema	Nilai Alpha	Nilai Alpha Cronbach
1.	Tema 1: Amalan penulisan yang digunakan oleh murid di SMPC.	0.695	0.889
2.	Tema 2: Persepsi murid terhadap pembelajaran penulisan bahasa Melayu.	0.537	
3.	Tema 3: Strategi pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan kemahiran menulis.	0.439	
4.	Tema 4: Sikap murid terhadap pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu.	0.988	

DAPATAN KAJIAN

Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik telah dikodkan, diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 23.0. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan data secara terperinci mengikut tema kajian melalui nilai min, sisihan piawai, dan varians, bagi memastikan setiap objektif kajian dapat dicapai dengan jelas. Dalam kajian ini, amalan penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di SMPC dan sikap mereka terhadap pembelajaran penulisan karangan dikategorikan kepada tiga tahap berdasarkan interpretasi skor min, seperti yang dicadangkan oleh Jamil (2002). Skala ini membahagikan skor min kepada tahap rendah, sederhana, dan tinggi yang membolehkan penilaian secara sistematik terhadap tahap amalan dan orientasi sikap murid. Secara khusus, skor min antara 1.00 hingga 2.33 dianggap rendah, skor antara 2.34 hingga 3.66 dianggap sederhana, manakala skor antara 3.67 hingga 5.00 dianggap tinggi. Pendekatan ini membolehkan dapatan kajian diklasifikasikan dan dianalisis secara kuantitatif dengan jelas, selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti amalan dan sikap murid dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Skala dan tahap interpretasi min direpresentasikan seperti dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2. Skala dan Tahap Interpretasi Min

Skor Min	Aras	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah	Kurang setuju
2.34 hingga 3.66	Sederhana	Setuju
3.67 hingga 5.00	Tinggi	Sangat setuju

AMALAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID-MURID CINA TINGKATAN 5 DI SMPC

Jadual 3 menunjukkan dapatan setiap item amalan penulisan karangan bahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa Melayu di SMPC melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 50 orang responden yang terdiri daripada murid Tingkatan 5 di sebuah sekolah SMPC:

Jadual 3. Analisis Item Amalan Penulisan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Bil.	Item	Min (μ)	Sisihan piawai (sp)	Tahap
T1S1	Saya mencatatkan perkataan baru dalam BM	3.06	0.912	Sederhana
T1S2	Saya akan menggunakan kamus untuk mencari perkataan BM	3.10	0.994	Sederhana
T1S3	Saya mencatatkan makna bagi perkataan BM	2.94	0.912	Sederhana
T1S4	Saya akan menyemak perkara yang saya tulis sebelum meneruskan penulisan	3.00	1.142	Sederhana
T1S5	Saya menulis nota dalam BM	2.86	1.160	Sederhana
T1S6	Saya tunjuk hasil tulisan BM kepada kawan yang lain	2.24	1.221	Rendah
T1S7	Saya akan menyemak perkataan yang ditulis dan perbaiki jika terdapat kesalahan	3.28	1.325	Sederhana
T1S8	Saya merancang dalam menulis karangan	3.32	1.202	Sederhana
T1S9	Saya menulis perkataan yang senang difahami	4.34	0.798	Tinggi
T1S10	Saya cuba menulis pelbagai teks dalam BM	2.82	1.350	Sederhana
Keseluruhan		3.09	0.682	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di SMPC berada pada tahap sederhana iaitu bacaan minnya ialah $\mu = 3.09$. Nilai min tertinggi telah dicatatkan oleh item kemahiran menulis dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah T1S9 iaitu "Saya menulis perkataan yang senang difahami" ($\mu = 4.34$ dan $sp = 0.798$). Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina di SMPC ini cenderung menggunakan strategi penulisan bersifat asas seperti pemilihan kosa kata mudah, perancangan rangka karangan dan semakan sendiri. Amalan yang digunakan oleh mereka hasil daripada dapatan ini menunjukkan secara tidak langsung penulisan murid Cina ini adalah berdasarkan perkataan-perkataan yang mudah untuk mereka ingat dan fahami kerana faktor bahasa Melayu ini merupakan bahasa kedua mereka. Pemilihan kosa kata yang mudah ini menggambarkan kurang pembendaharaan kata yang dikuasai oleh mereka. Namun demikian, mereka secara amnya menunjukkan kesungguhan mereka untuk memahami kosa kata bahasa Melayu dengan cara mengingatnya. Kosa kata merupakan platform utama murid-murid Cina di SMPC untuk mempelajari bahasa Melayu. Jika perbendaharaan kosa kata mereka terhad maka kemahiran menulis mereka turut terganggu malahan turut mempengaruhi kemahiran bertutur mereka. Dapatan ini sejajar dengan Alhaadi Ismail, Ismail, dan Mohd Yusoff (2018) yang menegaskan bahawa pengaruh bahasa ibunda mempengaruhi strategi penulisan murid, selain daripada keterbatasan kosa kata yang diutarakan oleh Zamri, Kamiliyah dan Wan Muna Ruzanna (2016). Tambahan pula, Noor Habsah dan Yahya (2018) turut menekankan bahawa penguasaan kosa kata yang terhad memberi impak terhadap pembentukan ayat sekali gus mempengaruhi amalan penulisan murid secara keseluruhan.

Seterusnya, item T1S8, "Saya merancang dalam menulis karangan" dengan nilai $\mu = 3.32$ dan $sp = 1.202$ dan item T1S7 iaitu "Saya akan menyemak perkataan yang ditulis dan perbaiki jika terdapat kesalahan" dengan nilai $\mu = 3.28$ dan $sp = 1.325$ merupakan antara salah satu amalan menulis yang dilaksanakan oleh murid-murid Cina di SMPC. Dapatan ini diperoleh daripada murid Tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kemahiran menulis mereka dipengaruhi dengan teknik menjawab soalan peperiksaan terutama pada bahagian soalan yang memerlukan mereka menulis karangan. Penulisan karangan akan dimulai dengan penulisan rangka karangan dan setelah selesai semakan jawapan dilaksanakan oleh mereka. Kebiasaan yang menjadi rutin seorang murid yang bakal menduduki peperiksaan seperti SPM ini sedikit sebanyak penyumbang kepada faktor kemahiran menulis mereka.

Dapatan kajian, hasil daripada penganalisisan borang soal selidik, item yang mencatatkan bacaan sp yang terendah ialah item T1S6 iaitu “Saya tunjuk hasil tulisan BM kepada kawan yang lain” dengan nilai $\mu = 2.24$ dan $sp = 1.221$. Hal ini membuktikan bahawa murid-murid di SMPC kurang berkongsi hasil penulisan mereka kepada rakan-rakannya. Antara faktornya adalah disebabkan kecenderungan kepada kurang keyakinan dalam menunjukkan hasil kerja dalam bahasa Melayu. Kurang keyakinan yang ada pada mereka menjadi penyumbang kepada kemahiran menulis kurang dikuasai. Hal ini dikatakan demikian kerana, kurang keyakinan diri ini telah menunjukkan bahawasanya murid Cina di SMPC sering melakukan kesilapan dalam penulisan karangan mereka sama ada kesilapan dalam aspek morfologi mahupun sintaksis. Amalan berkongsi hasil penulisan dengan rakan berada pada tahap rendah ini mencerminkan kekangan keyakinan linguistik mereka.

SIKAP MURID CINA TERHADAP PEMBELAJARAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU

Jadual 4 pula menunjukkan dapatan daripada borang soal selidik bagi setiap item yang memperlihatkan sikap murid di SMPC mengenai pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu

Jadual 4. Analisis Item Sikap Murid Cina terhadap Pembelajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Bil.	Item	Min (μ)	Sisihan piawai (sp)	Tahap
T4S1	Saya suka belajar menulis karangan dalam Bahasa Melayu.	2.700	1.182	Sederhana
T4S2	Saya bersetuju pembelajaran penulisan karangan membosankan.	2.680	1.096	Sederhana
T4S3	Teknik penulisan seperti teknik karangan pasang siap sesuai dijalankan bagi pembelajaran penulisan karangan di kelas.	2.880	1.189	Sederhana
T4S4	Saya lebih fokus semasa mengikuti pembelajaran penulisan karangan apabila cikgu memberi contoh karangan.	3.300	1.129	Sederhana
T4S5	Saya lebih bersemangat untuk belajar penulisan karangan berbentuk umum.	2.920	1.084	Sederhana
T4S6	Saya dapat menjana lebih banyak idea semasa pembelajaran penulisan karangan.	2.920	1.084	Sederhana
T4S7	Saya dapat bertukar idea dengan rakan semasa pembelajaran menulis karangan.	2.800	1.069	Sederhana
T4S8	Saya mampu menulis karangan mengikut kehendak soalan.	3.060	1.150	Sederhana
T4S9	Saya mampu menghasilkan penulisan yang lebih bermutu apabila saya banyak membaca.	2.760	1.079	Sederhana
T4S10	Saya boleh memahami tema dan kehendak soalan.	3.220	1.250	Sederhana
Keseluruhan		2.92	0.865	Sederhana

Jadual 4 telah menunjukkan hasil dapatan kajian berkaitan dengan sikap murid di SMPC terhadap pembelajaran penulisan karangan dalam bahasa Melayu. Item yang menunjukkan nilai min paling tinggi dalam Jadual 4 ialah T4S4 iaitu “Saya lebih fokus semasa mengikuti pembelajaran penulisan karangan apabila cikgu memberi contoh karangan” iaitu bacaan min dan spnya ialah $\mu = 3.30$ dan $sp = 1.129$. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina di SMPC ini mempelajari kemahiran menulis karangan dengan merujuk kepada karangan contoh. Dengan adanya karangan contoh ini, motivasi murid Cina dalam meningkatkan kemahiran menulis bertambah kerana kosa kata yang terdapat di dalam karangan contoh menjadi panduan mereka untuk menulis karangan mereka sendiri. Situasi ini bukan sahaja membantu dalam kemahiran menulis malah membantu menambah pembendaharaan kata mereka.

Hasil dapatan kajian yang menunjukkan bacaan min paling rendah ialah item T4S1 iaitu “Saya suka belajar menulis karangan dalam BM.” dengan $\mu = 2.70$ dan $sp = 1.182$. Dapatan yang diperoleh ini menunjukkan bahawa murid Cina di SMPC ini kurang berminat dalam mempelajari kemahiran menulis melalui penulisan karangan. Antara faktor kebanyakan murid kurang berminat untuk mempelajari penulisan karangan kerana mereka perlu menulis karangan yang mempunyai jumlah

patah perkataan yang banyak. Secara keseluruhan didapati bahawa sikap mereka terhadap pembelajaran penulisan karangan ialah sederhana dengan nilai min keseluruhannya ialah 2.92. Daripada dapatan ini didapati bahawa murid-murid mempunyai kesedaran bahawasanya kemahiran menulis dalam pembelajaran bahasa Melayu ini sangat signifikan dalam memastikan mereka meningkatkan kemahiran berbahasa mereka di samping pembelajaran bahasa ini sangat penting dalam memastikan mereka boleh meneruskan pembelajaran di universiti.

Tuntasnya, sikap murid terhadap pembelajaran penulisan karangan berada pada tahap sederhana, dengan kebergantungan tinggi terhadap contoh karangan dan pemodelan teks semasa pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Hal ini selari dengan dapatan Simah Mamat (2021) yang menegaskan kepentingan pemodelan teks dalam PdPc penulisan dan pandangan Zamri dan Mohamed Amin (2006) yang menyatakan bahawa motivasi murid lebih bersifat instrumental, iaitu belajar semata-mata untuk lulus peperiksaan dan bukan kerana kesedaran untuk menguasai bahasa. Selain itu, Rohaida et al. (2020) dan Noraishah Sakilah Kamat et al. (2021) turut menekankan bahawa orientasi sikap murid terhadap pembelajaran penulisan mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid.

PERBINCANGAN

Penulisan karangan merupakan wahana penting dalam membentuk keupayaan kognitif murid, khususnya dalam aspek pemikiran kritis, pembinaan hujah dan pengolahan idea secara tersusun. Keberkesanan sesebuah karangan tidak hanya diukur berdasarkan ketepatan bahasa semata-mata, sebaliknya turut bergantung pada keutuhan organisasi teks yang dibina sebagai satu kesatuan yang lengkap dan bermakna (Abdul Jobar et al., 2025). Dalam konteks murid Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), aktiviti penulisan karangan berfungsi sebagai medium utama untuk memperkukuh penguasaan bahasa Melayu melalui pelbagai genre penulisan, termasuk karangan berformat, respons terhadap karangan umum. Penguasaan kemahiran menulis yang baik bukan sahaja mencerminkan tahap kecekapan linguistik murid, malah menggambarkan kebolehan intelektual mereka dalam menstruktur maklumat dan menyampaikan pandangan secara berkesan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid cenderung mengamalkan strategi penulisan asas seperti penggunaan kosa kata mudah, perancangan rangka karangan dan semakan sendiri. Walaupun amalan ini bersifat asas, strategi tersebut sebenarnya mencerminkan usaha murid untuk menyesuaikan proses penulisan dengan keupayaan linguistik mereka sebagai penutur bukan natif. Justeru, amalan penulisan yang dikenal pasti ini wajar diperkukuh dan diperkasakan secara lebih sistematik dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bahasa Melayu di SMPC agar kemahiran menulis murid dapat berkembang secara lebih menyeluruh dan progresif.

Sehubungan itu, pembelajaran bahasa Melayu menuntut penguasaan kemahiran menulis yang mantap dan berterusan bagi memastikan peningkatan kecekapan berbahasa murid dapat dicapai secara konsisten. Seperti yang ditegaskan oleh Oxford dan Ehrman (1995), kualiti pengajaran guru merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi tahap penguasaan bahasa murid. Guru yang berkemahiran, kreatif dan peka terhadap keperluan pembelajaran murid berupaya membimbing mereka menguasai kemahiran menulis dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, pengaplikasian kemahiran kognisi dalam pengajaran penulisan karangan perlu diberi penekanan, selaras dengan pandangan Nachiappan, Sue Yin dan Sehgar (2018) yang menegaskan kepentingan penguasaan kemahiran kognitif oleh guru dan murid dalam proses pembelajaran penulisan.

Oleh itu, perancangan PdPc bahasa Melayu perlu mengambil kira perbezaan keupayaan, latar belakang linguistik serta pengalaman pembelajaran murid di SMPC. Pendekatan pengajaran yang bersesuaian dan kontekstual bukan sahaja berupaya mengoptimumkan pembelajaran penulisan, malah dapat meningkatkan keyakinan murid dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di SMPC melalui penambahbaikan strategi PdPc yang lebih berfokus, berkesan dan selari dengan keperluan sebenar murid bukan penutur jati.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan kemahiran menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) masih berada pada tahap sederhana. Dapatan ini memperlihatkan bahawa majoriti murid Cina mempelajari

bahasa Melayu dengan matlamat utama untuk lulus peperiksaan, bukan kerana kesedaran intrinsik terhadap kepentingan bahasa kebangsaan. Hal ini membuktikan bahawa motivasi pembelajaran mereka lebih bersifat ekstrinsik, iaitu berpaksikan kepada pencapaian akademik semata-mata. Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa murid mempunyai keterbatasan dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu, sekali gus mempengaruhi mutu karangan yang dihasilkan. Murid lebih cenderung memilih perkataan yang mudah dan biasa digunakan, menandakan tahap penguasaan perbendaharaan kata mereka masih terhad. Keadaan ini memberi gambaran bahawa kekangan kosa kata menjadi antara faktor utama yang menjejaskan keupayaan mereka menulis dengan ayat yang gramatis dan berkesan.

Kemahiran menulis merupakan salah satu komponen utama dalam pembelajaran bahasa Melayu, khususnya bagi penutur bukan natif. Penguasaan kemahiran ini amat penting kerana menjadi asas kepada perkembangan kemahiran berbahasa yang lain seperti membaca dan bertutur. Seperti yang ditegaskan oleh Zamri (2014), hubungan antara kemahiran menulis, membaca dan bertutur adalah saling melengkapi. Murid yang lemah dalam menulis berkemungkinan besar akan menghadapi kesukaran untuk menzahirkan idea secara lisan mahupun memahami teks bacaan dengan mendalam. Proses menulis juga secara tidak langsung membantu murid memperkukuh kosa kata melalui aktiviti membaca dan menyemak penulisan sendiri.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui penawaran Geran Penyelidikan Universiti Berteraskan Pendidikan (GPUBP) 2022-0151-107-01 (GPUBP). Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah dan para responden atas kerjasama, komitmen serta kesudian mereka meluangkan masa menjayakan pengumpulan data kajian ini. Tanpa sokongan dan bantuan semua pihak, penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan dengan baik.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Siti Hawa binti Ezan: Pengkonseptualisasian, Metodologi, Adaptasi Instrumen, Pengumpulan dan Analisis Data, Penulisan – Penyediaan Draf Asal, Penulisan – Semakan & Penyuntingan.

Md Zahril Nizam Md Yusoff: Penyediaan, Pengesahan Metodologi, Penulisan – Semakan & Penyuntingan.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data kajian diperoleh daripada penulis tertakluk kepada kebenaran daripada pentadbiran sekolah atas sebab-sebab kerahsiaan dan privasi. Kajian ini dijalankan di sekolah menengah swasta, kelulusan diberikan sepenuhnya oleh pihak berkuasa sekolah yang terlibat dan tidak melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Penulis menggunakan ChatGPT dalam kapasiti terhad untuk meningkatkan kejelasan bahasa dan kebolehbacaan semasa penyediaan manuskrip ini. Semua kandungan telah disemak semula dan disahkan oleh penulis untuk menjamin ketepatan dan penghasilan manuskrip yang berintegriti.

KEPERLUAN ETIKA

Kajian ini melibatkan peserta manusia. Kebenaran untuk menjalankan kajian ini diperoleh daripada pihak pentadbiran sekolah sebelum pengumpulan data berdasarkan kod kelulusan 601596. Penyertaan dibuat dengan cara sukarela, dan persetujuan diperoleh daripada semua responden sebelum mereka melengkapkan soal selidik. Peserta dimaklumkan tentang tujuan kajian, penggunaan data dan hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang akibat. Semua data dikumpul, disimpan dan diuruskan mengikut amalan etika penyelidikan standard untuk memastikan kerahsiaan, anonimiti dan integriti penyelidikan.

RUJUKAN

- Abdul Jobar, N., Hassan, M. H. S., Wan Jusoh, W. N. A. S., & Mahmood, M. S. (2025). Improving the level of achievement in essay writings among non-native speakers of Malay language based on a systematic model. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 16(1), 189–200. DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.16.2025>
- Abdul Rasid Jamian, N. N., & Shamsuddin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 4(1), 39–45. DOI: <https://journalarticle.ukm.my/10456/1/14039-38533-1-SM.pdf>
- Alhaadi Ismail, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22, 24–31. DOI: <https://plm.org.my/ejournal/index.php/jurnallinguistik/article/view/45/37>
- Alhaadi Ismail, & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 45–56. DOI: <https://journalarticle.ukm.my/13514/1/jatma-2019-0703-03.pdf>
- Alhaadi Ismail, A., Ismail, N., & Mohd Yusoff, M. (2018). Pengaruh bahasa ibunda terhadap penulisan bahasa kedua dalam kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 45–58.
- Che Zanariah Che Hassan, & Fadzilah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67–87. DOI: <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/23/23>
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10–22. Doi: <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/113/110>
- Green, J. M., & Oxford, R. L. (1995). A closer look at learning strategies, L2 proficiency, and gender. *TESOL Quarterly*, 29(2), 261–297. DOI: <https://doi.org/10.2307/3587625>
- Hashim, M., & Halimah, P. (2012). *Isu sosiolinguistik di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Helmi Pangat, & Puteri Roslina. (2016). Strategi komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 123–141. DOI: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/1209/869/2032>
- Nachiappan, S., Sue Yin, G., & Sehgar, S. C. (2018). Aplikasi kemahiran kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) Daerah Sabak Bernam. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 32–40. DOI: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1253>
- Noor Habsah, H., & Yahya, M. (2018). Kosa kata sebagai faktor penguasaan penulisan bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 12(1), 22–37.
- Norsidah, A. H., Jamaludin, B., & Fairose, S. (2010). Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. <http://nursidahny59.blogspot.my/2010/05/>
- Noraishah Sakilah Kamat, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Mohd Jabar, & Aireen Aina Bahari. (2021). Analisis kata hubung pancangan dalam penulisan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu Tingkatan Satu berdasarkan teori analisis kesalahan Corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 1–14. DOI: <https://journalarticle.ukm.my/17912/1/259-498-1-SM.pdf>
- Nur Fatin, Z. (2017). *Tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar Cina di sebuah sekolah menengah persendirian Cina Klang* (Doctoral dissertation, University of Malaya). DOI: https://studentsrepo.um.edu.my/11775/1/Nur_Fatin.pdf
- Oxford, R. L., & Ehrman, M. E. (1995). *Adults' language learning strategies in an intensive foreign language program in the United States*. *System*, 23(3), 359–386. DOI: [https://doi.org/10.1016/0346-251X\(95\)00023-D](https://doi.org/10.1016/0346-251X(95)00023-D)
- Rohaida, A., et al. (2020). Penguasaan kemahiran menulis dalam KSSM Bahasa Melayu: Isu dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 10–25.
- Rozana, J., & Zamri, M. (2020). Strategi pembelajaran kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang di sekolah menengah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1). DOI: <https://www.masree.info/wp-content/uploads/2020/06/14-Strategi-Pembelajaran-Kemahiran-Menulis-Dalam-Kalangan-Pelajar-Cemerlang-Di-Sekolah-Menengah.pdf>

- Simah, M., Azni, Y., Siti Nur Khairunisa, M. A.-F., & Mashariana, C. F. A. M. (2021). Permasalahan, cabaran dan amalan pengajaran guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 7, 1–10.
- Simah Mamat. (2021). Kepentingan pemodelan teks dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 14(2), 55–70.
- Tay, M. G., & Wong, S. H. (2016). Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, 13, 53–63.
- Zamri, M., & Mohamed Amin, E. (2006). Strategi pembelajaran bahasa Melayu antara pelajar bukan Melayu pelbagai etnik. *Jurnal Pendidikan*, 26, 115–132.
- Zamri, M., Kamiliyah, A. G., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38–51. DOI: <https://journalarticle.ukm.my/9865/1/107-211-1-SM.pdf>
- Zamri, M. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri, M., & Zarina, O. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 40–43.